

Kemerdekaan negara capai matlamat: PM

Perjuangan memakmur tanah air diteruskan generasi pewaris

Oleh Kadir Dikoh
dan Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pelbagai dasar memartabatkan bangsa dan memakmurkan negara yang dilaksanakan sejak hampir 50 tahun lalu membuktikan Malaysia berjaya membuat pengisian kemerdekaannya dengan berkesan.

Perdana Menteri menegaskan, kejayaan itu membuktikan rakyat negara ini berjaya memenuhi tuntutan pejuang kemerdekaan yang mahu supaya generasi pewaris menjadi masyarakat maju dan berjaya.

"Mereka mahu kita mengisi hasil perjuangan mereka untuk menjadikan negara ini aman serta selamat dan kita berjaya melakukannya dengan dasar memartabatkan bangsa dan memakmurkan negara," katanya.

Abdullah berkata demikian sele-

pas melancarkan logo dan program sambutan menjelang ulang tahun kemerdekaan ke-50 anjuran Kumpulan Media Prima Bhd (Media Prima) di Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman; Pengerusi Media Prima, Datuk Abdul Mutalib Mohamed Razak dan Pengarah Urusan Kumpulan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima, Abdul Rahman Ahmad.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Rangkaian Televisyen Media Prima, Datuk Farid Ridzuan; Ketua Pegawai Eksekutif The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Syed Faisal Albar; Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun dan Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Datuk Manja Ismail.

Abdullah berkata, hasil perjuangan pemimpin terdahulu, dasar untuk memartabatkan bangsa dan memakmurkan negara dapat diwujudkan serta dilaksanakan dan rakyat mesti menikmati kejayaan hasil kemakmuran negara.

Katanya, sumbangan pejuang kemerdekaan harus dijadikan iktibar

*"Sumbangan
pejuang
kemerdekaan harus
dijadikan iktibar dan
pengajaran kepada
semua rakyat
untuk terus bersatu"*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

dan pengajaran kepada semua rakyat untuk terus bersatu tenaga bagi mencapai wawasan menjadikan negara ini maju menjelang 2020.

Beliau berkata, bukan mudah untuk mencapai kemerdekaan daripada penjajah dan bukan senang untuk mengisi kemerdekaan itu dengan perancangan teliti hingga membawa kejayaan seperti sekarang.

"Banyak yang boleh kita pelajari daripada sejarah 50 tahun merdeka. Kita boleh mengambil iktibar supaya kita boleh terus maju pada 2020, menjadi bangsa yang maju," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri mengucapkan terima kepada Media Prima kerana mengambil inisiatif mengadakan sambutan 50 tahun Malaysia merdeka dan kerajaan sangat menghargai inisiatif syarikat itu.

Beliau berkata, Media Prima adalah syarikat swasta pertama mengambil inisiatif mengadakan sambutan 50 tahun merdeka.